



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 1/2026

SELASA, 27 JANUARI 2026 (8 SYA'BAN 1447H)

DEWAN BUNGA TANJUNG, PETALING JAYA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya
Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi di atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha (Pengurusan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urus bandaraya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. MEMPERCEPAT PELAKSANAAN DAN MEMPERHEBAT REFORMASI – AMANAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN) 2026

Dalam landskap pentadbiran awam yang semakin kompleks dan mencabar, keupayaan pihak berkuasa tempatan untuk bertindak secara pantas, cekap dan berintegriti menjadi faktor penentu kepada keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. Fokus utama adalah mempercepatkan projek untuk kemudahan rakyat, melakukan reformasi perkhidmatan yang berimpak tinggi serta menekankan prinsip “Mudahkan Urusan Rakyat, Jangan Susahkan”.

Pelaksanaan pantas dan reformasi ini memberi penekanan kepada **mempercepat pelaksanaan dasar dan keputusan** bagi memastikan setiap urusan pentadbiran memberi manfaat terus kepada rakyat tanpa birokrasi yang membebankan. Kecekapan pentadbiran tidak lagi boleh terikat kepada proses yang rumit dan berlapis, sebaliknya menuntut keupayaan membuat keputusan yang pantas, tepat dan berfokus.

Proses kerja yang dipermudah kepada tindakan di lapangan tanpa kelewatan yang tidak perlu akan memastikan perkhidmatan dapat disampaikan secara lebih responsif selari dengan keperluan semasa.

Seiring dengan itu, MBPJ komited untuk **memperhebat reformasi** secara menyeluruh dan berterusan. Reformasi yang digerakkan tidak seharusnya terhenti pada perubahan prosedur atau penjenamaan semula sistem kerja, akan tetapi perlu benar-benar mengubah cara berfikir, budaya kerja dan pendekatan penyampaian perkhidmatan.

Dalam memastikan segala dasar dan inisiatif dilaksanakan dengan berkesan, **komunikasi diangkat sebagai jambatan utama** menghubungkan perancangan dengan pelaksanaan. Kegagalan dalam komunikasi berpotensi menjadikan pencapaian yang diraih hilang impaknya.

Selain itu, dalam memperhebatkan pelaksanaan **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)**, Reformasi Budaya Kerja (RBK) 2026 memberi penekanan kepada **pembentukan budaya kerja baharu** yang berteraskan disiplin, kecekapan dan kemampunan. **Pelaksanaan mesyuarat yang lebih singkat dan berfokus** akan diperkasakan bagi meningkatkan produktiviti dan keberkesanan penyampaian tugas.

RBK turut menitikberatkan **layanan mesra dan profesional kepada pelanggan** serta **amalan penjimatan tenaga dan sumber**, khususnya ketika tiada aktiviti di pejabat atau premis. Seiring agenda **amalan hijau**, semua urusan pentadbiran rasmi akan dilaksanakan secara digital sepenuhnya berasaskan konsep *paperless*, termasuk mesyuarat tanpa kertas dan edaran dokumen secara elektronik, kecuali bagi dokumen terperingkat atau berkaitan keselamatan.

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) akan diperkasakan bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan operasi dan penyampaian perkhidmatan, selaras dengan keperluan organisasi moden.

3. **ILTIZAM : KECEKAPAN PENTADBIRAN KERAJAAN**

Usaha memperkukuh kecekapan pentadbiran turut diperkasa melalui pelaksanaan Akta Kecekapan Pentadbiran Kerajaan (Akta 867) atau lebih dikenali sebagai **Akta ILTIZAM**. Akta yang telah diluluskan oleh Parlimen ini dilaksanakan melalui Pekeliling ILTIZAM berserta empat Garis Panduan Utama yang berkuat kuasa 1 Disember 2025. Pelaksanaan akta ini menjadi pemangkin dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan kecekapan pentadbiran serta mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam secara lebih sistematik.

Akta ILTIZAM merupakan satu langkah reformasi penting dalam usaha memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan awam agar lebih cekap dan telus. Akta ini digubal sebagai tindak balas kepada keperluan untuk mengurangkan kerenah birokrasi, meningkatkan kecekapan pentadbiran serta mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan melalui kerangka perundangan yang jelas dan berkesan.

Tujuan utama Akta ILTIZAM ialah mengurangkan kerenah birokrasi yang sering menjadi halangan kepada kelancaran urusan rakyat. Penerapan konsep '*no wrong door policy*' memastikan setiap permohonan dan aduan yang dikemukakan akan diuruskan secara menyeluruh tanpa memerlukan rakyat berulang-alik atau berdepan

dengan kekeliruan berkaitan bidang kuasa dan tanggungjawab jabatan.

Selain itu, Akta ILTIZAM turut bertujuan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, dengan mewujudkan ekosistem pentadbiran yang lebih cekap dan berimpak tinggi. Penekanan diberikan kepada pelaksanaan yang pantas melalui amalan *follow up* dan *follow through* yang tegas serta konsisten, selari dengan penegasan Ketua Setiausaha Negara (KSN) bahawa keberkesanan pelaksanaan dasar hanya dapat dicapai melalui pemantauan berterusan dan komitmen organisasi yang menyeluruh.

Di samping itu, akta ini berperanan dalam mempercepatkan penyampaian perkhidmatan, khususnya dalam pengurusan dan permohonan yang melibatkan komitmen undang-undang.

Secara keseluruhannya, Akta ILTIZAM bukan sekadar satu instrumen perundangan, malah menjadi pemangkin transformasi pentadbiran yang menuntut perubahan minda, budaya kerja dan tahap akauntabiliti. Pelaksanaannya mencerminkan komitmen kerajaan dan MBPJ komited untuk mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, berkesan dan benar-benar berteraskan kepentingan rakyat.

4. MEMPERKUKUH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PBT

Majlis menyambut baik aspirasi YAB Dato' Menteri Besar Selangor dalam memperkukuhkan penyampaian kepada rakyat. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan barisan hadapan Kerajaan Negeri dalam menyantuni rakyat. Justeru, memperkukuh penyampaian perkhidmatan perlu dipertingkatkan secara menyeluruh menerusi Reformasi PBT.

Aspek perkhidmatan asas seperti penyelenggaraan jalan raya, kutipan sampah, infrastruktur awam, kebersihan longkang, kemudahan taman dan papan tanda jalan diberikan keutamaan kerana ia memberi kesan langsung kepada kehidupan harian rakyat. Selain itu, proses kelulusan permit ubah suai kediaman akan dipendekkan kepada 24 jam, manakala tempoh pemprosesan lesen penjaja disingkatkan daripada 30 hari kepada 14 hari.

Kerajaan Negeri turut meneroka penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi mengesan dan memetakan kerosakan jalan secara proaktif. Pendekatan ini mencerminkan komitmen berterusan untuk memastikan perkhidmatan PBT lebih cekap, responsif dan berorientasikan keperluan rakyat.

Saya berharap agar setiap jabatan dapat bersinergi dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi memastikan warga Petaling Jaya terus menikmati kehidupan dalam persekitaran yang mampan dan bahagia.

5. STRATEGIK BUDAYA KERJA

MBPJ menyahut penuh saranan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming dalam menetapkan asas perkhidmatan awam berteraskan nilai, sikap dan budaya kerja yang murni bagi memastikan ketelusan serta kecemerlangan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Beliau turut memperkenalkan **Iltizam ABCDT** sebagai pegangan dan kompas kerja buat seluruh warga kerja KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu dari peringkat pengurusan tertinggi hingga ke peringkat pelaksana. Iltizam ini menekankan lima (5) elemen teras bagi memperkukuh ketelusan dan kecemerlangan perkhidmatan iaitu, **Amanah, Bersih, Cekap, Disiplin dan Team - Kerja Berpasukan** : Bergerak sebagai satu pasukan yang teguh di bawah slogan **#StrongerTogether**. Menghapuskan budaya kerja secara silo atau ego, serta saling bekerjasama demi menjadi organisasi yang lebih kuat dan cekal.

6. PRESTASI KUTIPAN HASIL PELESENAN, PEMBANGUNAN PERNIAGAAN DAN USAHAWAN

Pada tahun 2025, Majlis melalui Jabatan Pelesenan Pembangunan Perniagaan dan Usahawan telah mengutip hasil pelesenan sebanyak RM 34.47 juta berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak RM 29.18 juta. Kutipan hasil lesen ini melebihi sasaran sebanyak 18.1 peratus berbanding sasaran yang telah ditetapkan. Pencapaian ini

mencerminkan tahap pematuhan yang baik serta keberkesanan pengurusan dan penguatkuasaan Majlis.

Selain kutipan lesen perniagaan, Jabatan Pelesenan turut bertanggungjawab mengutip Caj Beg Plastik sebagai sebahagian daripada agenda kelestarian, dengan jumlah kutipan RM2.16 juta. Jabatan turut memainkan peranan penting dalam menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri melalui kutipan Duti Hiburan, yang direkodkan sebanyak RM 30.91 juta sehingga 31 Disember 2025.

Secara keseluruhannya, MBPJ telah berjaya mencatatkan jumlah keseluruhan kutipan hasil sebanyak RM 67.54 juta. Pencapaian ini membuktikan keupayaan Majlis dalam mengurus hasil secara berkesan dan berintegriti.

7. MBPJ RANGKUL *ELITE AWARD MALAYSIAN GREEN TECHNOLOGY AND SOLAR AWARD* (MGSA) MELALUI INOVASI PERTANIAN BANDAR

Tahun 2025 menjadi saksi kepada pelbagai transformasi, inovasi dan pencapaian membanggakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam usaha membina sebuah bandar raya yang mampan, berdaya huni dan sejahtera untuk semua.

Momentum kecemerlangan ini diteruskan lagi apabila MBPJ berjaya meraih anugerah sulung bagi tahun 2026, iaitu Malaysia Global Sustainability Awards 2025 (MGSA 2025) dengan meraih *Elite Award*

anugerah tertinggi peringkat kebangsaan MGSA 2025 menerusi Projek Pusat Inovasi, Kajian & Pembelajaran Pertanian Bandar MBPJ. Projek ini mencatatkan pelaporan data ESG dan pembuktian kelestarian tinggi sebanyak 89 peratus (PS Sustainability Scorecard).

Malaysia Global Sustainability Award (MGSA) merupakan platform pengiktirafan tahunan yang diasaskan oleh SUSTNET bagi menghargai usaha kelestarian cemerlang merentasi pelbagai sektor di Malaysia. MGSA terus memperkukuh peranannya dalam menjunjung kecemerlangan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), di samping mengiktiraf inovasi, kepimpinan serta sumbangan berimpak tinggi ke arah pembangunan mampan.

8. LALUAN KORIDOR BIODIVERSITI BANDAR (KORIDOR HIJAU), PERKUKUH RANGKAIAN HIJAU DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan Program Laluan Koridor Biodiversiti Bandar (Koridor Hijau), di mana ia merupakan satu inisiatif strategik bandar mampan yang diluluskan di bawah peruntukan Ecological Fiscal Transfer (EFT) oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dan diselaraskan oleh melalui Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) kepada Majlis.

Program ini adalah bertujuan menyokong agenda pemuliharaan biodiversiti bandar dan mitigasi perubahan iklim, di samping memperkukuh rangkaian hijau bandar selaras dengan hala tuju

pembangunan mampan MBPJ. Pelaksanaannya memberi tumpuan kepada usaha menghubungkan kawasan hijau utama di sekitar Petaling Jaya melalui jaringan laluan hijau yang selamat, berfungsi dan mesra pengguna, sekali gus meningkatkan kesejahteraan serta kualiti hidup komuniti setempat.

Program Koridor Hijau ini dirancang dan dilaksanakan secara berfasa bagi memastikan kesinambungan rangkaian hijau bandar meliputi:

- a) **Fasa 1:** Jajaran Hutan Pendidikan Bukit Gasing – Taman Jaya – Taman Aman;
- b) **Fasa 2:** Jajaran Taman Aman – Taman Komuniti – Taman Bandaran Kelana Jaya; dan
- c) **Fasa 3:** Jajaran Taman Bandaran Kelana Jaya – Taman Kota@PJ – Hutan Eko-pelancongan Seksyen 10, Kota Damansara.

Kerja-kerja menaik taraf Laluan Koridor Hijau Fasa 1 ini telah dilaksanakan bermula pada 4 November 2025 dan telah siap sepenuhnya pada 30 Disember 2025.

Skop pelaksanaan projek merangkumi kerja-kerja *hardscape* seperti pembinaan dan penaiktarafan laluan serta pemasangan papan tanda dan elemen sokongan, selain kerja-kerja *softscape* yang melibatkan penanaman dan pengindahan landskap bagi menyokong fungsi ekologi dan nilai estetika kawasan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Program Laluan Koridor Biodiversiti Bandar (Koridor Hijau) di bawah peruntukan EFT ini telah menyumbang secara signifikan kepada pengukuhan rangkaian hijau bandar Petaling Jaya. Inisiatif ini bukan sahaja mempertingkatkan kepelbagaian flora dan fauna bandar, malah berfungsi sebagai tarikan alam semula jadi yang memberi nilai tambah kepada kesejahteraan penduduk setempat.

9. AKTIVITI PENJUALAN MERCUN DAN BUNGA API DI KAWASAN PENTADBIRAN PETALING JAYA

Pada 15 Januari yang lalu, satu perbincangan telah diadakan bersama ACP Shamsudin Mamat, Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, wakil OCS Polis Diraja Malaysia (PDRM) Petaling Jaya berkaitan aktiviti penjualan mercun dan bunga api di kawasan pentadbiran Petaling Jaya. Hasil perbincangan telah membuat ketetapan bagi aktiviti penjualan mercun dan bunga api adalah seperti berikut :

- a) **Penetapan tarikh bagi Tahun Baru Cina** : Tarikh mula penjualan mercun dan bunga api di lapangan adalah pada 10 Februari 2026 sehingga 3 Mac 2026. Tarikh tutup permohonan adalah pada 3 Februari 2026

- b) **Penetapan tarikh bagi Hari Raya Aidilfitri** : Tarikh mula penjualan mercun dan bunga api di lapangan adalah pada 5 Mac 2026 sehingga 27 Mac 2026. Tarikh tutup permohonan adalah pada 26 Februari 2026

Semua permohonan jualan mercun dan bunga api adalah perlu melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlebih dahulu. Selepas mendapat kebenaran dan pertimbangan daripada PDRM, senarai tersebut akan dipanjangkan kepada MBPJ bagi tindakan permohonan melalui secara dalam talian dan pengeluaran Permit Sementara bagi aktiviti jualan mercun dan bunga api.

Untuk makluman sehingga kini, Majlis telah menerima sebanyak 32 permohonan bagi aktiviti penjualan mercun dan bunga api di kawasan sekitar Petaling Jaya adalah di SS 20, PJU 11 dan Seksyen 1.

Mewakili Majlis, saya ingin merakamkan salam takziah buat keluarga Allahyarham Ustaz Hj. Ghazali Bin Shaari, mantan Ahli Majlis MBPJ penggal 2008 – 2013 yang telah meninggal dunia pada 15 Januari 2026 bersamaan 25 Rajab 1447H. Di doakan roh beliau dicucuri rahmat Allah SWT serta ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Al-Fatihah

Sekian, terima kasih.